

Headline	Pasukan seni dan teater SMK Meru gigih berlatih		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	S5	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	779 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 26,373
Frequency	Daily	PR Value	RM 79,120



# Pasukan seni dan teater SMK Meru gigih berlatih

Oleh Nur Nadhirah Dayana Ahmad  
 bhskor@bh.com.my

Seni dan teater menjadi pilihan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Meru, Klang, Selangor, hingga membawa mereka pergi lebih jauh dengan persembahan hebat dan bertenaaga.

Kesungguhan mereka menjalani latihan memberi peluang pasukan itu terus melakar banyak kejayaan dalam setiap pertandingan yang disertai.

Antaranya johan Pertandingan Semarak Teater Daerah Klang dengan membawa persembahan tradisional Minangkabau 'Randai Si Tanggah' baru-baru ini.

Teater ini menggondol anugerah Pelakon Lelaki terbaik, Muhammad Shahrin Shahaudin; Pelakon Pembantu Wanita terbaik, Nor Yasmin Shuhada Abdul Tahir dan Pelakon Pembantu Lelaki terbaik, Muhamad Amirul Ilias.

Pasukan itu mendapat bimbingan daripada jurulatih Roydy Rokidy iaitu bekas pelajar Akademi Seni Kebangsaan (Aswara) yang sememangnya berpengalaman dalam persembahan Randai. Roydy juga bekas pelajar sekolah ini.

Pengetua, Encik Mohamad Jajuli Naim dan juga barisan guru dan ibu bapa tidak jemu memberi

semangat kepada peserta yang akan menyertai setiap pertandingan.

Sejarah bermulanya pembabitian SMK Meru dalam teater ialah pada tahun 2009 apabila pasukan teater sekolah menyertai Pertandingan Teater Komsas Daerah Klang di bawah Panitia Bahasa Melayu.

Ketika itu, Puan Norfarah Ina Selamat menawarkan diri untuk melatih dan membimbing pelajar untuk menyertai pertandingan berkenaan.

Dia juga dibantu guru praktikum Bahasa Inggeris yang sememangnya berminat dalam bidang kebudayaan, teater dan

“  
**KESUNGGUHAN PASUKAN TEATER SMK MERU MENJALANI LATIHAN MEMBERI PELUANG PASUKAN ITU TERUS MELAKAR BANYAK KEJAYAAN DALAM SETIAP PERTANDINGAN YANG DISERTAI**”

Sumber

Headline	Pasukan seni dan teater SMK Meru gigih berlatih		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	S5	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	779 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 26,373
Frequency	Daily	PR Value	RM 79,120

seni persembahan.

Tajuk yang dibawa dalam pertandingan teater Komsas ini ialah "Jalan Sempit" diambil dari buku Komsas Tingkatan Tiga.

Pelbagai cabaran ditempuhi bagi memastikan



*Aksi salah seorang peserta.*

semuanya berjalan lancar dari segi pengolahan skrip, kostum dan pemilihan pelakon untuk menghayati watak masing-masing.

Walaupun kali pertama menyertai pertandingan, SMK Meru berjaya dinobatkan sebagai johan Pertandingan Teater Komsas Peringkat Daerah pada tahun itu.

Pasukan teater SMK Meru juga memenangi beberapa anugerah lain antaranya Pelakon Wanita Terbaik, Pelakon Pembantu Wanita Terbaik, Pengarah Terbaik dan juga Sinografi Terbaik.

Pasukan Teater SMK Meru sungguh tidak menyangka dan merasa gembira dengan kemenangan itu.

Pada 2010, SMK Meru sekali lagi menyertai Pertandingan Teater Komsas

Daerah Klang dan mendapat tempat Ketiga serta Anugerah Pelakon Wanita Terbaik.

Pada tahun 2011 pula, Pasukan Teater SMK Meru tidak berjaya memenangi sebarang kemenangan tetapi tetap bersemangat dan berusaha memberikan persembahan terbaik.

Manakala pada 2012 pula, pasukan teater sekolah ini menyertai Pertandingan Semarak Teater Daerah Klang dengan membawa cerita bertajuk "Pendekar Bujang Lapok" namun hanya mendapat sagu hati dan menerima wang tunai RM100.



*Antara aksi persembahan teater yang dipentaskan.*



*Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Meru Klang bergambar kenangan selepas menjadi Johan Pertandingan Semarak Teater Daerah Klang baru-baru ini.*

Headline	Pasukan seni dan teater SMK Meru gigih berlatih		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	S5	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	779 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 26,373
Frequency	Daily	PR Value	RM 79,120



*Pasukan teater SMK Meru menerima sijil kemenangan.*



*Pasukan teater SMK Meru beraksi di pentas.*